

31/01/1999

4 aspek kawal selia sistem kewangan

Azizi Othman in Davos

DAVOS: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mekanisme kawal selia operasi dana lindung nilai dan dagangan mata wang perlu dibuat dengan mengambil kira empat aspek utama iaitu ketelusan, undang-undang, pendaftaran dan had leveraj.

Menggariskan teras bagi pakej kawal selia yang baik untuk dana lindung nilai dan dagangan mata wang di sesi dialog Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, Perdana Menteri berkata, semua aspek itu perlu diambil kira bagi memastikan keberkesannya.

Ini adalah kali pertama Dr Mahathir mengutarakan pendapatnya mengenai kandungan dalam pakej kawal selia operasi dana lindung nilai dan dagangan mata wang, selepas menimbulkan keperluan mewujudkannya di Hong Kong pada September 1997.

Walaupun ramai pemimpin menyokong cadangan itu, belum ada yang mengetengahkan rumusan untuk pakej itu, yang dijangka menjurus kepada kelahiran tata cara dan bentuk baru sistem kewangan dunia menjelang alaf akan datang.

Menurut Dr Mahathir, rangka kerja perundangan sesuai dan boleh diterima, antara lain perlu membabitkan beberapa aspek seperti ketelusan yang akan membolehkan siapa menjual atau membeli mata wang di sesuatu pasaran, diketahui.

"Ini akan membolehkan kita mengetahui bagaimana sesuatu mata wang itu mengalami kejatuhan nilai," katanya menjawab soalan mengenai apakah yang boleh ditakrifkan sebagai asas utama pakej kawal selia mata wang.

Beliau juga berkata, aspek lain ialah dari segi undang-undang iaitu satu peraturan khas perlu diwujudkan mengenai bagaimana ia dikendalikan manakala pasarannya pula perlu ditentukan dan peniagaanya didaftarkan.

"Kita juga mahu mengetahui mengenai leveraj iaitu bagaimana LTCM (Long Term Capital Management) boleh mendapat leveraj untuk meminjam daripada bank sehingga 200 kali ganda lebih besar daripada modalnya, bagi tujuan dagangan," katanya.

LTCM ialah dana lindung nilai berpangkalan di Amerika Syarikat yang mengalami kerugian besar baru-baru ini sehingga mencetuskan krisis kewangan meluas manakala leveraj merujuk kepada kemampuan dana lindung nilai untuk meminjam berkali ganda lebih besar daripada saiz mereka sendiri.

Dr Mahathir mempersoalkan isu leveraj itu dalam konteks mengapa sesebuah negara - sebagai contoh, Malaysia yang mungkin mempunyai rizab AS\$20 bilion - tidak berpeluang mendapat pinjaman berkali ganda lebih besar.

"Tiada siapa yang mahu memberi kita pinjaman sebanyak itu tetapi mengapa peniaga mata wang boleh berbuat begitu. Jadi, mungkin wajar mengehadkan leveraj pinjaman itu kepada sekali atau dua kali ganda saja," katanya.

Beliau berkata, usaha itu boleh dilakukan oleh institusi seperti Rizab Persekutuan Amerika atau sebarang bank pusat yang kemudiannya menasihatkan bank supaya memberi pinjaman secara berhemat.

Selain itu, satu lagi bentuk kawalan yang boleh diwujudkan ialah supaya dana lindung nilai dan peniaga mata wang mendaftar di negara di mana mereka mahu beroperasi.

"Jika mereka mahu menjual-beli mata wang Malaysia contohnya, datang ke Malaysia. Kita bersedia mewujudkan pasaran dengan syarat mereka mendaftar dan mengikuti peraturan tertentu," katanya.

Walaupun sehingga ini belum ada pemimpin dan tokoh lain sempat memberi

komen mengenai empat asas utama pakej kawal selia yang diketengahkan Dr Mahathir itu, ramai yang bersetuju ia perlu diwujudkan secepat mungkin.

Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, berkata kawal selia perlu diwujudkan bagi mengelak nasib dunia ditentukan oleh 'sekumpulan orang muda di Wall Street'.

Menurutnya, apa yang jelas kini ialah dagangan mata wang sudah jauh menyimpang daripada tujuan asalnya dan Kanada, sebagai pengeksport komoditi utama turut terjejas.

Pengarah Institut Pembangunan Antarabangsa Universiti Harvard, Jeffrey D Sachs, berkata wujud satu keperluan mendesak dalam dunia hari ini supaya aliran modal sejagat dikenakan kawalan.

(END)